

SPR akan bermesyuarat pada 10 April untuk tetapkan tarikh pilihan raya
Malaysian Insider
April 5, 2013
Oleh Amin Iskandar

KUALA LUMPUR, 5 April — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan mesyuarat khas pada 10 April 2013 bagi menetapkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya 2013.

Selepas menerima Perisytiharan oleh Seri Paduka Baginda yang Di-Pertuan Agong pada 3 April 2013 berhubung dengan pembubaran Dewan Rakyat dan telah menerima kesemua Perisytiharan Pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi semua negeri kecuali bagi negeri Sarawak, SPR perlu bermesyuarat untuk memulakan perjalanan proses pilihan raya umum.

“Berkaitan dengan pembubaran tersebut dan berdasarkan peruntukan Perlembagaan itu, SPR telah menetapkan suatu Mesyuarat Khas pada 10 April 2013 bertempat di Ibu Pejabat SPR di Putrajaya bagi menetapkan tarikh-tarikh penting pilihan raya umum Ke-13, iaitu tarikh Penamaan Calon dan tarikh Pengundian termasuklah tarikh Pengundian Awal dan menentukan Daftar Pemilih bagi maksud pilihan raya umum itu,” kata Datuk Kamaruddin Mohamed Baria, setiausaha SPR dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah membubarkan parlimen pada 3 April lalu genap empat tahun selepas mengambil alih kepimpinan negara dari Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 2009.

Kedua-dua Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) akan bertarung untuk merebut sebanyak 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi DUN.

Pilihan Raya 2013 dijangkakan paling sengit dalam sejarah walaupun BN seperti diramalkan oleh ramai pihak akan terus menerajui negara selepas itu.

Walau bagaimanapun, PR tidak mustahil untuk membuat kejutan kerana buat pertama kalinya, BN bakal berhadapan dengan pembangkang paling tersusun.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-akan-bermesyuarat-pada-10-april-untuk-tetapkan-tarikh-pilihan-raya/>